



Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)  
Headline : Cypark peroleh kontrak loji fotovoltan solar bernilai rm260.51j  
Date : 27 January 2018  
Page : 8  
Size : 4.7x15.8



## **Cypark peroleh kontrak loji fotovoltan solar bernilai RM260.51j**

**KUALA LUMPUR:** Cypark Resources Bhd memperolehi kontrak bernilai RM260.51 juta daripada Cove Suria Sdn Bhd (CSSB).

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia semalam, syarikat itu berkata kontrak pertama melibatkan kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) loji fotovoltan solar berskala besar 30MWa. c di Empangan Kelinchi, Negeri Sembilan.

“Kontrak itu bertempoh 24 bulan daripada tarikh pemberitahuan permulaan kerja-kerja EPCC yang ditetapkan oleh CSSB,” menurutnya.

Cypark Resources berkata, kontrak kedua pula melibatkan operasi dan penyenggaraan loji fotovoltan solar tersebut.

Operasi dan penyenggaraan loji itu akan dilaksanakan selama 21 tahun daripada tarikh operasi komersial yang akan disahkan oleh Tenaga Nasional Bhd. — Bernama